

KESILAPAN PENAFSIRAN AYAT-AYAT AL-QURAN OLEH GOLONGAN ANTI HADIS DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP KASSIM AHMAD

ERROR OF THE QURANIC INTERPRETATION BY THE ANTI HADIS IN MALAYSIA: A STUDY ON KASSIM AHMAD

Abdul Mukti Bin Baharudin¹, Zaidul Amin Suffian Bin Ahmad², Rosni Binti Wazir³
Mohd Norzi Bin Nasir⁴

Artikel diterima: 31 Mei 2020

| Selepas Pembetulan: 19 Jun 2020

| Diterima untuk terbit: 2 Julai 2020

1 Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, abdulmukti@kuis.edu.my

2 Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, zaidulamin@kuis.edu.my

3Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, rosni@kuis.edu.my

4 Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohd_norzi@kuis.edu.my

* Abdul Mukti Bin Baharudin

Abstrak

Secara umumnya ayat-ayat al-Quran tidak dapat difahami melainkan ianya ditafsir mengikut metode-metode tertentu. Justeru dalam menafsirkannya sama ada secara *al-Tafsir bi al-Ma'thur* atau *al-Tafsir bi al-Ra'yi*, para ulama telah meletakkan garis panduan serta metode-metode yang khusus buat ahli tafsir al-Quran. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan agar nas-nas al-Quran tidak ditafsir mengikut hawa nafsu dan jauh tersasar daripada maksud yang dikehendaki. Namun demikian, pelanggaran terhadap metode-metode yang digariskan dalam penafsiran al-Quran sering kali dilakukan oleh golongan yang mempunyai kepentingan tertentu atau bertujuan untuk memesongkan ajaran Islam seperti golongan Anti Hadis, Syiah, Sister in Islam dan LGBT. Kajian ini akan memfokuskan kesilapan golongan Anti Hadis di Malaysia, yang dipelopori oleh Kassim Ahmad dalam memahami nas-nas al-Quran. Kajian ini akan merujuk kepada karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa kesilapan yang berlaku ketika memahami nas-nas al-Quran adalah disebabkan ketidaktahuan beliau terhadap Bahasa Arab secara mendalam. Dalam masa yang sama beliau gagal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh para ulama dalam menafsirkan al-Quran. Di samping itu beliau tidak merujuk kepada pandangan para ulama tafsir yang muktabar dalam menafsirkan ayat-ayat tersebut. Faktor-faktor ini telah menjerumuskannya kepada kesilapan memahami nas-nas al-Quran secara tepat dan benar.

Kata kunci

Metode, Anti Hadis, Tafsir, Kassim Ahmad dan al-Quran

Abstract

Generally, the verses of the Quran cannot be understood unless they are interpreted according to the certain methods. Thus, in interpreting the Quranic verses either by using the type of al-Tafsir bi al-Ma'thur or al-Tafsir bi al-Ra'yi, the scholars have provided the specific methods and guidelines to interpret the Quranic verses. These guidelines are intended to ensure that the texts of the Quranic verses are not interpreted according to their desires and are far from the exact purpose. Nonetheless, violations of the methods outlined in the interpretation of the Quranic verses are often committed by groups of particular interest in distorting Islamic teachings such as the Anti-Hadith, Shia, Sister in Islam and LGBT groups. This study will focus on the errors of the Anti-Hadith groups in Malaysia, in focusing on the study of Kassie Ahmad in understanding the Quranic verses. This study will refer to the works and writings that he has produced. The methodology used in this study is qualitative. The study found that the mistake made in understanding the Quranic verses was due to his inadequate understanding of Arabic language. At the same time, he failed to follow the guidelines set by the scholars in interpreting the Quran. In addition, he did not refer to the views of scholars who interpreted the verses in their interpretation. These factors have led him to misunderstand the contents of the Quranic verses correctly.

Keywords

Methods, Anti Hadis, Interpret, Kassim Ahmad and al-Quran

1.0 Pengenalan

Pemalsuan di dalam penafsiran al-Quran lahir seiring dengan pemalsuan di dalam hadis. Ini kerana pada awalnya kedua-duanya saling bercampur, yakni tidak terpisah antara satu sama lain. Seperti mana didapati dalam hadis terdapatnya istilah Sahih, Hasan, Dhaif dan juga pada perawi-perawi hadis, terdapat perawi yang dipercayai, perawi yang diragui dan perawi yang diketahui memalsukan hadis, maka begitu juga apa yang diriwayatkan daripada penafsiran al-Quran dan siapa yang meriwayatkannya dari kalangan ahli tafsir. Permulaan wujudnya pemalsuan tersebut adalah pada tahun 41 Hijrah ketika mana umat Islam sedang berpecah dari sudut politik. Mereka terpisah kepada beberapa golongan yang terdiri daripada Syiah, Khawarij dan Jumhur (golongan majoriti) (Al-Zahabi 2003). Di samping itu terdapat faktor-faktor lain yang membawa kepada penyelewengan penafsiran al-Quran. Telah lahir gerakan-gerakan di sepanjang zaman yang cuba menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut keinginan nafsu mereka dan dalam masa yang sama cuba menerapkan kefahaman yang salah dalam memahami isi kandungannya, yang mana agenda sebenar adalah untuk melemahkan Islam dan umatnya. Malaysia juga tidak terkecuali daripada berhadapan dengan golongan tersebut. Mutakhir ini kemunculan mereka lebih aktif dan berani berbanding sebelum ini, contohnya golongan Anti Hadis (Ahmad Sanusi et. al. 2011).

Secara umumnya, gerakan Anti Hadis di Malaysia telah dipelopori oleh Kassim Ahmad. Banyak isu-isu kontroversi berkenaan hadis Nabi s.a.w. yang timbul menerusi tulisan-tulisan dan kenyataan-kenyataan beliau. Disebabkan terpengaruh dengan Dr Rashad Khalifa beliau telah menghasilkan sebuah buku kontroversi yang bertajuk 'Hadis: Satu Penilaian Semula', dan buku tersebut telah diharamkan melalui Warta Kerajaan bertarikh 10 Julai 1986 (Himpunan Fatwa Negeri Melaka, 1986-2005 t.t.). Namun demikian, tidak ramai yang menyedari bahawa di dalam karya-karya yang telah dihasilkan, beliau telah menafsirkan nas-nas al-Quran secara tidak tepat dan tidak mengikut metode yang telah digariskan oleh para ulama. Justeru kajian awal ini akan mendedahkan beberapa kesilapan beliau dalam menterjemahkan dan menafsirkan nas-nas al-Quran dan dalam masa yang sama akan menjawab kesilapan dan salah faham tersebut agar ia tidak mengelirukan masyarakat awam.

2.0 Gerakan Anti Hadis di Malaysia

Golongan Anti Hadis bukanlah sesuatu yang asing dalam Islam. Secara umumnya, golongan ini cuba untuk menafikan autoriti hadis sebagai sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran. Justeru mereka mengajak seluruh umat Islam agar berpegang dan beramal dengan intipati al-Quran semata-mata. Menurut Dr. Mustafa al-Siba'ie (2010) sejarah kemunculan kumpulan yang tidak menerima hadith ini telah muncul di zaman al-Imam as-Shaf'ie lagi iaitu pada kurun kedua hijrah.

Di Malaysia, golongan atau gerakan Anti Hadis ini mula dikesan sekitar tahun 1985 (Ahmad Sanusi et. al. 2011). Gerakan ini aktif menyebarkan fahaman, idea dan pandangan mereka bukan sahaja melalui medium penulisan seperti buku, risalah, internet dan blog, malah melalui medium lain seperti majlis diskusi, forum, ceramah dan sebagainya yang dianggap cuba menidakkan autoriti hadis, mempertikaikan keabsahannya bahkan melemparkan tohmahan-tohmahan liar ke atas hadis.

Gerakan ini dipelopori oleh Kassim Ahmad dan dibantu oleh Abdul Manan Harun dan Othman Ali pada 1985 (Mohd 2005). Beliau terpengaruh dengan Dr Rashad Khalifa lalu menulis buku kontroversi 'Hadis: Satu Penilaian Semula' (Mohd 2005). Selepas itu beliau menubuhkan pertubuhan Jemaah Quran Malaysia tetapi pendaftarannya ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Bermula bulan September 1985, Kassim Ahmad telah memperlihatkan peningkatan gerakannya dengan penganjuran majlis diskusi mengenai "*Teori Hadith*" di Pejabat ALIRAN (Aliran Kesedaran Rakyat) di Jalan Sungai Nibong, Bayan Baru, Pulau Pinang dan juga di rumah beliau di No. 8, Jalan Gajah, Tanjung Bunga, Pulau Pinang yang dihadiri oleh beberapa orang kenalannya daripada ahli Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM). Penyebaran ajaran sesat Kassim Ahmad telah disedari dan dikecam hebat oleh para ulama Islam dan akhirnya kerajaan telah membatalkan beberapa siri ceramah beliau yang telah dirancang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan (Himpunan Fatwa Negeri Melaka 1986-2005 t.t.).

Ekoran daripada kecaman dan kritikan ulama-ulama tersebut serta tindakan kerajaan membatalkan siri ceramahnya, maka pada bulan Mei 1986, Kassim Ahmad telah menulis sebuah buku bertajuk "*Hadith Satu Penilaian Semula*" terbitan Media Intelek

Sdn. Bhd. Penulisan buku tersebut telah membangkitkan kemarahan dan menimbulkan suatu kontroversi yang meluas di kalangan umat Islam kerana antara lain buku tersebut mendokong fahaman penolakan hadith sebagai salah satu sumber hukum Islam. Buku tersebut kemudiannya telah diharamkan oleh kerajaan melalui Warta Kerajaan P.U.A 223 bertarikh 10 Julai 1986 (Himpunan Fatwa Negeri Melaka 1986-2005 t.t.).

Pada Oktober 1992, Kassim Ahmad sekali lagi telah mencetuskan kontroversi dan kemarahan umat Islam apabila beliau menulis sebuah buku yang bertajuk "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*" terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. bagi menjawab kritikan-kritikan ke atasnya serta mempertahankan idea dan pandangannya. Kerajaan sekali lagi telah mengharamkan buku tersebut melalui Warta Kerajaan (Kassim 2011).

Kassim Ahmad juga telah menubuhkan persatuan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM) pada 11 Jun 1995. Namun pertubuhan ini gagal didaftarkan kerana tidak mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan (Nik t.t.).

Tekanan dan tentangan yang dihadapi menyebabkan gerakan ini menyepi seketika. Bermula pada era abad ke-21, kumpulan ini dilihat aktif menyebarkan pemikiran mereka melalui laman web peribadi mereka. Bertepatan dengan perkembangan semasa internet menjadi medium utama penyebaran corak pemikiran yang dibawa. Malah idea yang dibawa oleh gelombang kedua ini dilihat jauh berkembang daripada idea yang dimulakan oleh kumpulan Kassim Ahmad. Kelompok yang kedua ini dilihat begitu agresif dalam menjawab soalan yang diajukan kepada mereka. Kebergantungan mereka kepada akal di dalam memahami ayat-ayat al-Quran sangat tinggi sehingga setiap ayat boleh ditafsirkan oleh setiap dari mereka (Ahmad Sanusi et. al. 2011).

Pada tahun 2014 beliau telah muncul kembali dengan membentangkan beberapa pendapat politik beliau yang mempunyai elemen-elemen anti hadis semasa memberi ucapan dalam uaputama Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014. Ucapan beliau bertajuk Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang (Wan Mohd Fazrul Azdi et. al. 2015)

3.0 Biodata Ringkas Kassim Ahmad

Kassim Ahmad telah dilahirkan pada 9 September 1933 bersamaan dengan 19 Jamadil Akhir 1352 Hijrah, di kampung Kubang Tampang, Bukit Pinang, Kedah (Hasri t.t.).

Kassim mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu, Bandar Baharu. Kemudiannya beliau berjaya menyambung pengajiannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dan seterusnya meneruskan pengajiannya ke Universiti Malaya di Singapura. Ketika di universiti, beliau telah menyertai Kelab Sosialis Universiti Malaya (Hasri t.t.).

Semenjak kecil beliau telah bercita-cita untuk menjadi penulis. Sewaktu di sekolah menengah, beliau telah mula berjinak-jinak menulis di surat khabar. Bakat yang ada padanya ini juga menjadi faktor kepada beliau untuk bekerja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di Young Road, Kuala Lumpur. Selepas itu beliau ditawarkan menjadi pensyarah Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di School of Oriental and

African Studies (SOAS), Universiti London dan bertugas di sana selama empat tahun. Oleh sebab tarikan politik, beliau menolak tawaran bekerja tetap dengan SOAS dan kembali ke Malaysia pada tahun 1966 (Hasri t.t.) .

Sekembalinya ke Malaysia, beliau cuba memohon untuk mengajar di Universiti Malaya tetapi gagal. Dia pulang ke Pulau Pinang dan bekerja sebagai guru sementara di Sekolah Abdullah Munshi, Pulau Pinang dan dalam masa yang sama aktif dalam Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang diketuai oleh Ahmad Boestaman. Selepas peristiwa berdarah Mei 13, beliau bekerja sebagai guru dan penterjemah bebas (Kassim 2011).

Kassim telah berkahwin dengan Sharifah Fawziah bt. Syed Yussoff dan mendapat tiga orang cahaya mata, iaitu Soraya, Aida dan Shauqi (Hasri t.t).

3.1 Pendidikan

Sewaktu di universiti lagi, beliau merupakan seorang yang amat prihatin dengan dasar pendidikan. Beliau dan Hassan Ahmad merupakan di antara 13 orang mahasiswa Universiti Malaya, Singapura yang menentang cara pengajaran dan sistem pengajian Melayu di universiti ketika itu. Malah beliau pernah berucap bagi pihak kumpulan 13 menyeru supaya diwujudkan suatu sistem pengajian terbuka.

Disertasi beliau bertajuk 'Perwatakan Hang Tuah' pada tahun 1950 telah mencabar persepsi tradisional Melayu bahawa Hang Tuah seorang hero. Beliau dengan beraninya menentang arus apabila melihat dari sudut yang berbeza iaitu mengemukakan dakwaan bahawa Hang Jebat merupakan hero orang Melayu, bukannya Hang Tuah, meski pun Hang Jebat telah membunuh ramai rakyat Melaka yang tidak berdosa.

Beliau juga melalui puisi dan kegiatan sastera menggesa masyarakat yang tertindas bangkit menuntut hak dan pembelaan. Tokoh lain yang sealiran dengannya ialah Usman Awang, Baha Zain, Kemala, Ali Ahmad, Nik Mohammad Zain, Alis Murni, Yahya Ismail, Mohd Affandi Hassan dan Abdul Ghafar Ibrahim.

Disebabkan keterlibatan dan sumbangan beliau dalam bidang kesusasteraan, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganugerahkan beliau Doktor Kehormat Persuratan pada 17 Ogos 1985.

Antara karya yang telah diterbitkan oleh beliau ialah Hikayat Hang Tuah (1965), Characterisation in Hikayat Hang Tuah (1966), Kemarau di Lembah (1967), Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah (1973), Sajak 'Pengembara Dalam Perjalanan' (1978), Universiti Kedua (1983), Hadis: Satu Penilaian Semula (1986), Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik (1992), Mencari Jalan Pulang Daripada Sosialisme Kepada Islam (2008) dan banyak lagi (Wan Mohd Fazrul Azdi et. al., 2015).

3.2 Politik

Pada tahun 1960, Kassim telah menyertai Parti Sosialis Rakyat Malaysia dan memimpinnya pada tahun 1968, iaitu ketika ia berumur 35 tahun bersama Syed Hussin Ali. Ia dilantik menjadi presiden parti selama 18 tahun. Menurut beliau, faktor kemasukannya ke dalam parti sosialis disebabkan dia berasal daripada keluarga miskin dan duduk di pendalaman. Pada tahun 1984, beliau keluar daripada Parti Sosialis Rakyat dan kemudiannya menyertai UMNO pada tahun 1986 (Hasri & Hasrul 2017). Beliau pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama lima tahun (1976-1981) kerana dikaitkan dengan perjuangan sosialis dan komunis (Hasri t.t.).

4.0 Kesilapan Kassim Ahmad Dalam Menjelaskan Ayat-Ayat Al-Quran dan Penjelasan Terhadapnya

Selain kesalahan dalam memahami hadis, Kassim Ahmad juga didapati silap dalam memahami nas al-Quran, sama ada pada sudut penterjemahan mahu pun penafsiran. Kajian mendapati bahawa salah faham ini berlaku dalam penulisan dan karya beliau. Di antaranya ialah:

- i. Kesalahan menterjemahkan kalimah *al-hadis*:

Beliau telah menterjemahkan kalimah *al-hadis* (الحديث) di dalam al-Quran dengan maksud hadis Nabi s.a.w. Di dalam menterjemahkan firman Allah s.w.t. ayat 6 Surah Luqman dan ayat 23 Surah Az-Zumar:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ٦

Dan firman Allah s.w.t.:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُّتَشَابِهًا مّتَانِي نَفْثَعِرُ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهِ يَهْدِي بِهِ ۚ مَن يَشَاءَ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن هَادٍ ٢٣

Kassim Ahmad telah menterjemahkan kalimah *al-hadis* pada kedua-dua ayat di atas sebagaimana berikut:

“Di antara manusia, ada mereka yang menjual hadis olok-olok dan dengan itu memalingkan manusia dari jalan Tuhan tanpa pengetahuan serta memperolok-olokkannya. Bagi mereka azab penuh kehinaan.”

“Tuhan telah menurunkan hadis yang terbaik, sebuah kitab yang selaras dan menunjuk kepada kedua-dua jalan. Kulit mereka yang takut kepada Tuannya kecut dari itu lalu kulit dan hati mereka menjadi lembut untuk menerima peringatan Tuhan. Demikianlah petunjuk Tuhan, diberiNya kepada siapa yang Ia kehendaki. Tetapi barangsiapa Tuhan sesatkan, tiada yang boleh membimbingnya.”

Penterjemahan yang dibuat oleh beliau adalah tidak tepat dan tersasar dari maksud yang sebenar. *Al-hadis* dalam ayat 6 Surah Luqman di atas bukanlah bermaksud hadis Nabi s.a.w., bahkan ia bermaksud cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan.

Al-Maraghiy dalam menafsirkan ayat ini telah menjelaskan bahawa terdapat segolongan manusia yang mencari jalan untuk meleakakan orang lain daripada membicarakan soal Islam. Mereka juga telah mempelajari cerita-cerita khurafat, mitos, cerita jenaka dan perkataan yang tidak berfaedah. Di antaranya ialah Nadhar bin al-Harith, yang telah membeli buku-buku asing dan membacakan kepada mereka dengan tujuan meleakakan mereka daripada mendengar al-Quran. Bahkan dia membeli hamba wanita yang pandai menyanyi dan disuruhnya untuk mendekati orang yang baru menganut Islam agar ia meninggalkan Islam yang baru dianutnya (Al-Maraghiy t.t). Begitu juga al-Mawardi di dalam tafsirnya menyebut bahawa terdapat tujuh takwilan terhadap ayat ini, di antaranya ialah membeli penyanyi-penyanyi wanita, nyanyian, gendang, kebatilan, syirik kepada Allah s.w.t., apa yang menegah kepada Allah s.w.t. dan berbantah-bantah dalam perkara agama dan menjerumuskan diri dalam perkara kebatilan (Al-Mawardi 1993).

Menurut Al-Zamakhshary *lahwa al-hadis* bermaksud seperti perbualan (di malam hari) yang mengisahkan cerita-cerita dongeng, cerita-cerita yang tiada sumbernya serta perbicaraan tentang perkara-perkara khurafat, jenaka dan tidak berfaedah (al-Zamakhshary 1995).

Manakala di dalam ayat 23 Surah al-Zumar pula, *al-hadis* bermaksud perkataan, iaitu sebaik-baik perkataan yang diturunkan oleh Allah s.w.t. ialah al-Quran (Al-Baidhowi 1999).

Penafsiran al-Quran yang tidak dibina atas kefahaman Bahasa Arab yang jitu serta ilmu-ilmu lain yang perlu ada kepada setiap mufassir akan membawa kepada kekeliruan dan kesalahan memahami maksud nas sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. M. Quraish Shihab menyatakan bahawa kekeliruan dalam memilih kata yang sesuai atau dalam memahami kata yang didengar, akan mengakibatkan kekeliruan kepada orang yang membacanya. Oleh itu, syarat utama pentafsir ialah pengetahuannya tentang makna lafaz atau kosa kata yang digunakan di dalam ayat, apatah lagi sesuatu perkataan itu boleh membawa kepada beberapa makna. Kekeliruan dalam menetapkan makna yang dimaksudkan mengakibatkan kekeliruan dalam penafsiran (Quraish 2013).

ii. Celaka orang yang solat

Firman Allah s.w.t:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ۚ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۝ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ۖ وَيَمْنَعُونَ
الْمَاعُونَ ۙ

Maksudnya:

Celakalah mereka yang sembahyang! Yang tidak sedarkan sembahyang mereka! Mereka hanya ingin menunjuk dan melarang bersedekah!

Terjemahan sebenar:

(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang. (Iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan ria' (dalam ibadat dan bawaannya). Dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya) (Abdullah Basmeih 1980).

Di dalam memahami ayat ini, beliau menyatakan bahawa Allah s.w.t. telah mencela semua orang-orang yang solat sebagai orang yang celaka. Penafsiran yang dibuat oleh beliau adalah tidak tepat kerana tidak melihat keberkaitan (*munasabat*) dengan ayat-ayat selepasnya. Tidak dinafikan Allah s.w.t. mencela orang yang solat. Namun, orang-orang yang solat yang celaka itu telah dinyatakan sifat-sifatnya oleh Allah s.w.t. dalam ayat-ayat selepasnya, iaitu pada ayat 5 dan 6, bukannya semua orang yang solat. Para ulama telah menjelaskan bahawa kalimah *الذين* pada ayat 5 dan 6 adalah *na'at* (sifat) kepada *mussoliin* (Muhyiddin 1999). Di sini penyelidik dapat simpulkan bahawa maksud orang-orang yang solat tetapi celaka ialah orang-orang yang lalai dalam solat mereka, orang-orang yang solat dengan tujuan untuk menunjuk-nunjukkan ibadah mereka itu kepada orang lain dan menegah daripada bersedekah.

Kesilapan menafsirkan sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran, sekiranya disengajakan boleh membawa kepada rosaknya akidah penafsir dan pembaca-pembacanya. Contohnya kenyataan Kassim Ahmad di atas yang mengatakan bahawa Allah s.w.t. telah mencela semua orang-orang yang solat sebagai orang yang celaka. Beliau hanya merujuk kepada ayat 4 Surah al-Ma'un tanpa melihat kepada ayat-ayat selepasnya. Penafsiran ini adalah penafsiran yang sesat lagi menyesatkan. Jelas berlakunya percanggahan di antara tafsiran yang dibuat oleh beliau dan ayat-ayat lain yang memerintahkan supaya didirikan solat. Sekiranya orang yang solat itu celaka, kenapa diperintahkan dengan solat? Tambahan pula, penafsiran ini seumpama menyeru orang-orang Islam agar meninggalkan solat, kerana ia akan mencelakakan mereka.

Sebagaimana yang telah dimaklumi, solat merupakan salah satu rukun daripada rukun-rukun Islam. Allah s.w.t telah mewajibkan solat lima waktu sehari semalam kepada setiap orang Islam yang mukallaf. Maka mempersenda-sendakan hukum Allah s.w.t itu boleh membawa kepada hukum murtad. Sa'id dalam bukunya Qanun Jinayah Syar'iyah telah menjelaskan beberapa faktor yang boleh menjadikan seseorang Islam itu murtad. Di antaranya ialah mengingkari perkara-perkara yang telah diketahui oleh semua orang Islam suatu perkara yang telah ditentukan dalam agama dan tidak mengakui kewajipan yang telah disabitkan dengan dalil-dalil qat'ie seperti sembahyang lima waktu sehari semalam, puasa sebulan Ramadhan, zakat, haji dan sebagainya (Sa'id 1996). Oleh kerana itu, tafsiran-tafsiran seperti ini amat merbahaya kepada akidah masyarakat Islam, apatah lagi ia akan membuka ruang fitnah untuk golongan yang tidak menunaikan solat atau lalai daripada mengerjakannya menggunakan ayat tersebut dan memberikan alasan berdasarkan penafsiran yang sesat tersebut.

iii. Sembahyang bukan tiang agama. Tiang agama ialah tauhid, iaitu iman

Dalam menafsirkan firman Allah s.w.t.:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ١١٦

Surah al-Nisa' (4): 116

Dan firman Allah s.w.t:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ١٢٤

Surah al-Nisa' (4): 124

Kassim Ahmad telah menafsirkan ayat 116 Surah al-Nisa' sebagaimana berikut:

Tuhan mengampuni segala dosa lain, jika Ia kehendaki, tetapi Ia tidak mengampuni dosa syirik. Iman kepada Tuhan Yang Esa itulah tiang agama.

Manakala pada ayat 124 pula, beliau menafsirkan:

Bahawa segala perbuatan baik, jika tidak ditunjangi iman, tidak diterima.

Penyelidik tidak menafikan bahawa ayat-ayat di atas menjelaskan kepentingan iman sebagai tunjang agama Islam. Segala amal ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji serta akhlak yang baik tidak akan diterima Allah s.w.t. melainkan disertai dengan akidah yang sahih. Namun demikian, bukanlah bermaksud perkara lain tidak penting dan tidak perlu diamalkan. Bahkan syariat dan akhlak menjadi syarat kesempurnaan agama seseorang itu. Menurut Haron Din (1988), dalam Islam manusia dituntut bukan sahaja untuk beriman akan tetapi Islam menuntut secara tegas, supaya iman itu dibuktikan dengan perbuatan lahiriah. Sedang pembuktian daripada keimanan itu ialah mengerjakan semua petunjuk Allah dan rasulNya berdasar kemampuan masing-masing serta menjauhi segala laranganNya.

Hamka dalam menafsirkan ayat 116 Surah Al-Nisa' menyatakan bahawa segala dosa dapat diampuni Tuhan bagi siapa yang Tuhan kehendaki, tapi dosa mempersekutukan yang lain dengan Dia, tidaklah dapat Tuhan mengampuni" (Hamka t.t).

Manakala pada ayat 124 Surah al-Nisa' Hamka menjelaskan bahawa ayat ini adalah sambungan yang tidak terpisah daripada ayat yang sebelumnya, yakni bahawasanya beragama bukanlah melonjong-lonjong dengan hasil lamunan angan-angan, mengatakan golongan awak segala lebih, golongan orang segala kurang. Bukti pemeluk agama yang baik ialah berapa kesungguhannya menjauhkan kejahatan dan berapa pula kesanggupannya berbuat kebajikan dan amal yang soleh. Tuhan menjelaskan, yaitu amal soleh yang timbul dari iman. Dan dijelaskan lagi dalam ayat ini bahawa perlumbaan berbuat baik dengan dasar iman itu sama rata berhak dan sama rata berkewajiban di antara lelaki dengan perempuan. Yang berbeza hanya tugas, kerana kelainan kesanggupan diri, atau keadaan. Mengakui sahaja dengan mulut beriman, padahal amal tidak ada, adalah iman angan-angan. Beramal bekerja keras, padahal tidak timbul daripada iman, tidak ada dorongan dari jiwa kepada Allah, tidaklah akan

mententeramkan hati. Iman dan amal, itulah yang dikehendaki, baik dia lelaki atau dia perempuan” (Hamka t.t.)

iv. Kalimah *rabb* diterjemahkan sebagai tuan

Dalam menterjemahkan beberapa kalimah رَبَّ yang terdapat di dalam al-Quran, Kassim Ahmad telah menterjemahkannya dengan perkataan tuan (maksud pada sudut bahasa). Contohnya pada firman Allah s.w.t.:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ١٢٧

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa Dengan berkata: “Wahai Tuan kami! Terimalah daripada Kami (amal kami); Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui;”

Surah al-Baqarah (2): 127

Terjemahan sebenar:

“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil kedua berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui” (Abdullah Basmeih 1980).

Dan firman Allah s.w.t:

وَقَالَ الرَّسُولُ يُرَبِّ إِنِّي قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا ٣٠ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ الْمُجْرِمِينَ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ٣١

Maksudnya:

“Rasul akan berkata, “Tuanku, kaumku telah membelakangkan Quran ini!” demikianlah kami wujudkan musuh bagi setiap nabi dari kalangan penjenayah. Tuanmu cukup sebagai pembimbing dan penolong.”

Surah al-Furqan (25): 30-31

Terjemahan sebenar:

“Dan berkata Rasul: Wahai Tuhanku sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Quran ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai. Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi, musuh dari kalangan orang-orang yang bersalah, dan cukuplah Tuhanmu (wahai Muhammad menjadi pemimpin (ke jalan mengalahkan mereka) serta menjadi penolong (bagi mu terhadap mereka)” (Abdullah Basmeih 1980).

Dan pada firman Allah s.w.t:

قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوا رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا ٢٠

Maksudnya:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Aku hanyalah beribadat kepada Tuhanku semata-mata, dan Aku tidak mempersekutukanNya Dengan sesiapa pun".
Surah al-Jin (72): 20

Terjemahan sebenar:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanya beribadat kepada Tuhanku semata-mata, dan aku tidak mempersekutukanNya dengan sesiapa pun" (Abdullah Basmeih 1980).

Berlaku perbincangan ulama tentang makna kalimah *rabb*. Menurut Ahmad (2000) dalam kitabnya *al-Misbah al-Munir*, kalimah *al-rabb* (dengan *alif* dan *lam*) merujuk kepada Allah *tabaraka wa taala*. Ia juga memberi maksud tuan, sekiranya disandarkan kepada yang berakal seperti mana yang dinyatakan oleh baginda s.a.w. di dalam hadisnya:

حتى تلد الأمة ربتها

"Sehingga hamba perempuan melahirkan tuannya."

Begitu juga ayat yang menceritakan kisah Nabi Yusuf a.s.:

يُصْحَبِي السِّجْنَ أَمَّا أَحَدُكُمَا فَيَسْقِي رَبَّهُ خَمْرًا

Maksudnya:

"Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, (maksud mimpi kamu itu ialah); adalah salah seorang dari kamu, makai a akan memberi minum arak kepada tuannya."

Surah Yusuf (12): 41

Ibn Manzur dalam *Lisan al-Arab* juga menjelaskan perkara yang sama, iaitu kalimah *al-rabb* merujuk kepada Allah *azza wa jalla* (Muhammad 1997). Dia adalah *rabb* tiap-tiap sesuatu, dengan maksud raja bagi tiap-tiap sesuatu. Beliau juga menyatakan bahawa dari segi bahasa *rabb* bermaksud pemilik, tuan, pengurus, murabbi, pengawal dan pemberi nikmat (Muhammad 1997).

Penterjemahan yang dibuat oleh Kassim Ahmad pada perkataan *rabb* di dalam tiga ayat di atas, berkemungkinan besar dirujuk kepada terjemahan al-Quran dalam Bahasa Inggeris yang telah menggunakan perkataan *lord*. Contohnya ialah terjemahan ayat 127 Surah al-Baqarah oleh Abdullah Yusuf Ali dalam The Meaning of The Holy Quran:

"And remember Abraham and Ismail raised The Foundation of the House (with this prayer): Our Lord! Accept (this service) from us" (Abdullah 1989).

Merujuk kepada Kamus Dwibahasa Oxford, *lord* memberi maksud raja atau pemerintah yang agung serta tuhan (Joyce 2000).

Daripada maksud kedua-dua bahasa tersebut, dapat disimpulkan bahawa kalimah *rabb* boleh membawa kepada dua makna. Namun demikian, bagi menterjemahkan *rabb* dengan perkataan yang sesuai, ayat-ayat al-Quran tersebut perlu difahami dengan sebaiknya. Dan kalimah *rabb* dalam ketiga-tiga ayat di atas telah disepakati oleh para

ahli tafsir bahawa ia merujuk kepada Allah s.w.t. Justeru menterjemahkannya dengan tuan adalah satu kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku.

v. Bersentuhan: Kalimah “*au lamastum*” diterjemah sebagai bersetubuh.

Ketika menterjemahkan ayat 43 Surah al-Nisa', beliau telah menterjemahkan ayat أو لمستم النساء dengan bersetubuh. Terjemahan beliau adalah sebagaimana berikut:

“ ... dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh (bersetubuh) perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih...”.

Terjemahan sebenar:

“... Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi dan berwuduk), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah – debu, yang suci...” (Abdullah Basmeih 1980).

Dalam mengistinbat ayat ini, berlaku khilaf di kalangan ulama fekah. Menurut mazhab Hanafi, wuduk akan terbatal dengan sebab menyentuh perempuan ketika berjimak. Sementara mazhab Maliki dan Hanbali mengatakan wuduk akan terbatal dengan sebab bersentuhan kulit di antara lelaki dan perempuan dalam keadaan merasa kenikmatan atau bernaflu. Manakala mazhab Syafi'i pula berpandangan wuduk kedua-dua pihak lelaki dan perempuan akan terbatal dengan hanya berlaku sentuhan kulit, biarpun dalam keadaan tidak bernaflu. Perselisihan pandangan ini disebabkan berbeza mereka dalam memahami dan menafsirkan ayat tersebut. Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali yang berpandangan bahawa wuduk tidak akan terbatal dengan sebab tersentuh di antara lelaki dan perempuan berhujah dengan beberapa pendapat, di antaranya:

- a. Pandangan Ibnu Abbas yang mengatakan bahawa maksud sentuhan dalam ayat ini ialah jimak.
- b. Pendapat Ibnu al-Sikit yang mengatakan bahawa kalimah sentuhan apabila digandingkan dengan orang perempuan, maka ia bermaksud jimak.

Oleh kerana itu, mereka berpandangan pengertian ayat tersebut perlu diertikan dengan makna *majazi* (kiasan), iaitu sentuhan dengan maksud jimak.

Manakala mazhab Syafi'i pula berpegang dengan pengertian sebenar dari sudut bahasa bagi perkataan *mulaamasah*. Maka ia menunjukkan kepada sentuhan semata-mata, bukannya jimak (Wahbah 1997).

Justeru itu, daripada penerangan ini dapatlah disimpulkan bahawa penterjemahan yang dibuat itu perlulah diberikan penerangan dengan sebaiknya. Bukan hanya meletakkan dalam kurungan “setubuh” yang akan mengelirukan orang awam. Bahkan ia memerlukan huraian secara terperinci. Apatah lagi bagi masyarakat Islam di Malaysia yang berpegang dengan mazhab Syafi'i.

vi. Al-Quran mengajar bahawa iman dan akal itu selaras

Dalam menterjemahkan ayat 100 Surah Yunus, didapati penterjemahannya jauh tersasar dari maksud sebenarnya:

Tiada siapa yang boleh beriman kecuali dengan izin Allah, dan Dia menghalang mereka yang tidak menggunakan akal.

Jika dirujuk kepada terjemahan ayat ini, contohnya dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pergertian Al-Quran menterjemahkan sebagaimana berikut:

“Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang untuk beriman melainkan dengan izin Allah (melalui undang-undang dan peraturanNya); dan Allah menimpakan azab atas orang-orang yang tidak mahu memahami (perintah-perintahNya)” (Abdullah Basmeih 1980).

Maksud sebenar bagi ayat ini dapat difahami secara lebih terang dan jelas apabila merujuk kepada tafsiran-tafsiran ulama-ulama. Contohnya penafsiran yang dibuat oleh Ustaz Sonhadji, di mana beliau menyatakan tidak ada seorang manusia yang akan beriman – meskipun ia diberi Allah s.w.t. ikhtiar dan kebebasan bertindak – melainkan dengan kehendakNya dan mengikut ketetapanNya jua. Dan Allah itulah yang menjadikan seksa berupa kerendahan, memberi malu dan kehinaan kepada orang yang berakal, iaitu mereka yang tidak memahami hal-hal yang diperintahkan oleh Allah dan hal-hal yang dilarangNya (Sonhadji 1992).

Oleh itu, apa yang diterjemahkan oleh Kassim Ahmad adalah tidak tepat dan jauh terpesong. Sebenarnya tidak timbul di dalam ayat ini iman dan akal itu selaras dan selari kedudukannya, sebagaimana difahami oleh beliau.

5.0 Kesimpulan

Al-Quran tidak boleh difahami menerusi logik akal dan andaian semata-mata. Proses penafsiran dan perterjemahannya menuntut seseorang penafsir dan perterjemah al-Quran menguasai berbagai ilmu seperti ilmu Bahasa Arab, ilmu Balaghah, ilmu Isytiqaq, Ulum al-Quran dan sebagainya. Selain itu terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi agar tidak berlaku kesilapan dan kesalahan dalam menafsir dan menterjemahkannya. Oleh itu, apabila seseorang itu tidak mampu memenuhi kareteria-kareteria yang digariskan tersebut, cukuplah penafsiran-penafsiran yang telah dilakukan oleh ahli-ahli tafsir dijadikan sebagai rujukan dan panduan. Karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh mereka serta telah diakui keabsahannya hendaklah dijadikan sebagai sumber untuk memahami nas-nas al-Quran.

Sejak sekian lama, terdapat golongan yang cuba menggunakan akal semata untuk memahami ayat-ayat al-Quran. Ditambah lagi dengan lahirnya golongan yang menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai hujah bagi membenarkan pegangan atau mazhab mereka. Isu ini terus berlarutan sehinggalah ke zaman ini. Cuma dengan penjenamaan nama yang pelbagai. Di Malaysia, golongan Anti Hadis merupakan antara golongan yang telah menggunakan akal dalam menafsirkan al-Quran. Kajian ini

telah membuktikan bagaimana Kassim Ahmad, pelopor kepada gerakan Anti Hadis di Malaysia telah melakukan kesilapan dalam menterjemah dan menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Ia amat jauh tersasar daripada penterjemahan dan penafsiran jumhur ahli tafsir. Kelemahan menguasai ilmu Bahasa Arab dan kegagalan mengikuti metode yang digariskan oleh para ulama merupakan faktor utama salah faham dan penyimpangannya dalam memahami al-Quran. Dalam masa yang sama agenda tersembunyi gerakan ini, iaitu usaha mempertikai kredibiliti dua sumber rujukan utama, al-Quran dan al-Sunnah juga menjadi faktor berlakunya penyelewengan dalam penterjemahan dan penafsiran al-Quran. Kefahaman dan penafsiran yang silap ini amat dibimbangi akan mempengaruhi masyarakat awam serta menjadi ruang kepada golongan tertentu menggunakannya sebagai panduan dan pegangan mereka.

Justeru pihak berwajib seperti JAKIM dan Majlis Agama Islam perlu memainkan peranan menyekat penerbitan-penerbitan golongan ini sama ada buku, risalah dan tulisan-tulisan di media sosial daripada disebarikan kepada masyarakat awam. Di samping itu, pemantauan yang lebih serius perlu dilakukan bagi mengekang gerakan ini daripada terus bergerak dan menyebarkan fahaman mereka. Masyarakat juga perlu dijelaskan tentang bahayanya golongan Anti Hadis ini agar mereka dapat menghindari daripada terjebak dengannya. Kajian-kajian bagi mengenalpasti gerakan-gerakan dan individu-individu yang cuba menyelewengkan penafsiran al-Quran perlu diteruskan dan seterusnya barulah usaha-usaha menolak kebatilan tersebut dapat dilakukan.

Rujukan

Abdullah Basmeih. (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pergertian Al-Quran*. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah bin Umar al-Baidhowi. 1999. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. J 1.

Abdullah Yusuf Ali. (1989). *The Meaning of The Holy Quran*. USA: Amana Corporation.

Ahmad bin Muhammad.(2000). *Al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ahmad Mustafa al-Maraghiy. *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: DBP. J 11

Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail & Zulhilmi Mohamed Nor. (2011). Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 24.

Ahmad Sonhadji. (1992). *'Abr al-Athir*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan. J 11.

Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi. (1993). *Tafsir al-Mawardi*. Kuwait: Dar al-Sofwah. J 3.

Hamka. (t.t). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional. J 5

Haron Din. (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Himpunan Fatwa Warta Kerajaan Negeri Melaka (1986-2005). (t.t.) *Fatwa 4: Golongan Anti Hadis*. Dilayari pada: 1 April 2020 dari http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/pdf/anti_hadith.pdf

- Joyce M. Hawkins. (2000). *Kamus Dwibahasa Oxford*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Kassim Ahmad. (2011). *The Road Home From Sosialism to Islam*. Selangor: ZI Publication Sdn Bhd.
- M. Quraish Shihab. (2013). *Kaidah Tafsir*. Indonesia: Penerbit Lentera Hati.
- Md Hasri Rajali. (t.t).. *Pemikiran Kassim Ahmad Terhadap Sosialisme: Suatu Tinjauan Awal, Tahun 1968 – 1984*. Jurnal Kemanusiaan Vol. 25, Iss. 2.
- Md Hasri Rajali & Muhammad Hasrul Zakariah. (2017). *Pemikiran Kassim Ahmad tentang Konsep Humanisme*. Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarawan Malaysia: Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia. (208-224)
- Mohd Ali Haji Zainal. (2005). *Himpunan Fatwa Negeri Melaka (1986-2005)*, Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Muhammad bin Hussein Al-Zahaby. (2003). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Maktabah Wahbah. J1.
- Muhammad bin Mukram. (1997). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Saadir. J 3
- Muhammad bin Umar al-Zamakhshary. (1995). *Tafsir al-Kasyaf 'An Haqaiq Ghawamid al-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhyiddin al-Darwish. (1999). *'Irab al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar Ibn Kathir. J 8.
- Mustafa As-Sibaie. (2010). *As-Sunnah Wa Makanatuha Fi At-Tasyri' Al-Islami*. Beirut: Dar Al-Warraq.
- Nik Mohd Zaim Ab Rahim. *Kaedah Berhujah Dalam Menangani Golongan Anti Hadis*.
- Sa'id Ibrahim. (1996). *Qanun Jinayah Syar'iyah*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Fiqh dan Perundang Islam*. Kuala Lumpur: DBP. J 1.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rumaizuddin Ghazali, Mohd Azhar Ibrahim Resedi & Fikri Muharam. (2015). *Elemen Anti Hadis Dalam Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Oleh Kassim Ahmad: Satu Penilaian*. Al-'Abqari Journal, 6, 7-34.